



eISSN 3032-601X & pISSN 3032-7105

Vol. 1, No. 3, 2024

MISTER

**Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science,
Technology and Educational Research**

**Jurnal Penelitian Multidisiplin dalam Ilmu
Pengetahuan, Teknologi dan Pendidikan**

**UNIVERSITAS SERAMBI MEKKAH
KOTA BANDA ACEH**

mister@serambimekkah.ac.id

Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science Technology
and Educational Research

Journal of MISTER

Vol. 1, No. 3, 2024

Pages: 286-297

Penglibatan dan Penilaian Pelajar Terhadap Sistem Penasihatatan Akademik

Balkhais Jamaluddin, Siti Hasmiza Hassan, Siti Khairul Bariah Mohamood

Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu' adzam Shah, 06000 Jitra, Kedah,
Malaysia

Article in Journal of MISTER

Available at : <https://jurnal.serambimekkah.ac.id/index.php/mister>

DOI : <https://doi.org/10.32672/mister.v1i3.1263>

How to Cite this Article

APA : Balkhais Jamaluddin, Siti Hasmiza Hassan, & Siti Khairul Bariah Mohamood. (2024). Penglibatan dan Penilaian Pelajar Terhadap Sistem Penasihatatan Akademik . *MISTER: Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science, Technology and Educational Research*, 1(3), 286 – 297. <https://doi.org/10.32672/mister.v1i3.1263>

Others Visit : <https://jurnal.serambimekkah.ac.id/index.php/mister>

MISTER: *Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science, Technology and Educational Research* is a scholarly journal dedicated to the exploration and dissemination of innovative ideas, trends and research on the various topics include, but not limited to functional areas of Science, Technology, Education, Humanities, Economy, Art, Health and Medicine, Environment and Sustainability or Law and Ethics.

MISTER: *Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science, Technology and Educational Research* is an open-access journal, and users are permitted to read, download, copy, search, or link to the full text of articles or use them for other lawful purposes. Articles on Journal of MISTER have been previewed and authenticated by the Authors before sending for publication. The Journal, Chief Editor, and the editorial board are not entitled or liable to either justify or responsible for inaccurate and misleading data if any. It is the sole responsibility of the Author concerned.



ISSN 3032-7105

ISSN 3032-601X



Penglibatan dan Penilaian Pelajar Terhadap Sistem Penasihatatan Akademik

Balkhais Jamaluddin^{1*}, Siti Hasmiza Hassan², Siti Khairul Bariah Mohamood³

^{1,2,3}Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 06000 Jitra, Kedah, Malaysia

E-mail: bbalkhais@gmail.com

Received: 03 15, 2024 | Accepted: 04 23, 2024 | Published: 05 01, 2024

ABSTRACT

The Academic Advisory System (SPAk) serves as a profession towards the formation of knowledgeable, responsible, capable and competitive students in shaping students with superior personality. This study aims to analyze students' involvement and assessment of the Academic Advisory System at Polytechnic Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) during session 2 2022/2023 and session 1 2023/2024. Researchers have selected respondents among the students of the Department of Commerce which is 737 students for session 2 2022/2023 and 840 students for session 1 2023/2024 for this study. The study paper uses the Polytechnic Information Management System (SPMP) which is a platform to record various information related to students throughout the semester. The study on the effectiveness of the Academic Advisory System was conducted through the Academic Advisory Management (iPAd) menu found in SPMP. This study is a quantitative study that uses descriptive analysis to obtain frequency, percentage and mean values. The results of the study showed that the involvement of students in answering questions related to the role of academic advisors and the Academic Advisory System played an important role in the success of this study. The overall mean score value of academic advisory roles and the Academic Advisory System is above 3.70. In conclusion, the Academic Advisory System is indispensable in shaping students in terms of superior personality and excellent academics. This system is a systemic and structured service to connect students holistically and equip students with the knowledge, skills and values needed to make decisions related to education and career planning of students.

Keywords: Effectiveness; Academic Advisory System; Students

INTRODUCTION

Sistem Penasihatatan Akademik (SPAk) telah diperkenalkan di politeknik sejak tahun 2004 sebagai satu saluran perhubungan yang sistematik di antara pelajar dengan Penasihat Akademik (PA). Pelaksanaan SPAk melibatkan peranan dan tanggungjawab dari Penasihat Akademik, Pegawai Psikologi, Kaunselor, Pegawai CISEC dan Pegawai Unit Teknologi Maklumat. Tujuan SPAk adalah untuk membangunkan personaliti unggul bagi mencapai kecemerlangan akademik, kemahiran generik dan kesediaan sendiri dalam kerjaya. Pelajar akan diselia oleh seorang Penasihat Akademik dalam kalangan pensyarah sepanjang pengajian di politeknik bagi membangunkan modal insan yang holistik, sesuai dengan kehendak industri serta memenuhi aspirasi negara seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025.

Program penasihatatan akademik diperteguhkan dengan menyediakan garis panduan kepada Penasihat Akademik untuk mengikutinya secara formal dan teratur. Kaedah ini dapat membantu pelajar dalam mencapai kecemerlangan akademik di samping mengukuhkan keperibadian mereka. Skop tugas Penasihat Akademik adalah seperti yang digariskan pada Buku Panduan Skop Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (2014).

Tanggungjawab Penasihat Akademik merangkumi pembangunan akademik dan pembangunan diri pelajar iaitu membantu membina matlamat, akademik, kerjaya dan jati diri pelajar. Selain itu, Penasihat Akademik dikehendaki membantu merancang dan menyusun struktur program serta memantau pendaftaran kursus sepanjang pengajian. Disamping itu, Penasihat Akademik perlu menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kehadiran serta memantau kepatuhan pelajar terhadap peraturan-peraturan yang berkaitan. Pengemaskinian dokumen atau rekod di dalam Fail Penasihat Akademik secara bercetak atau secara atas talian perlu dilaksanakan mengikut garis panduan SPAk.

Penasihat Akademik dikehendaki memantau dan memberi maklum balas mengenai perkembangan dan pencapaian hasil pembelajaran melalui perjumpaan sekurang-kurang satu jam seminggu dalam SPAk. Pelajar yang dikenalpasti bermasalah perlu dirujuk kepada pihak yang berkenaan oleh Penasihat Akademik. Penasihat Akademik yang dilantik bagi kumpulan pelajar tertentu perlu menjadi Penasihat Akademik di sepanjang tempoh pengajian pelajar tersebut sehingga pelajar bergraduasi. Peranan Penasihat Akademik bukan setakat itu sahaja tetapi merangkumi tugas sebagai pemudahcara domain yang berkaitan dalam Modul Inspirasi Diri (MInD).

Keberkesanan sesebuah institusi pengajian tinggi dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya adalah pelaksanaan SPAk. Tujuan SPAk diwujudkan adalah untuk membantu pelajar menyesuaikan diri serta menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan pelajar. Disamping itu, pelajar boleh mendapatkan manfaat daripada sistem ini sepenuhnya kerana setiap pelajar boleh mendapat bimbingan, dorongan dan nasihat yang sewajarnya dari penasihat akademik masing-masing.

Pelajar yang memasuki institusi pengajian tinggi akan menghadapi pelbagai masalah kerana sistem pendidikan di sekolah sangat berbeza dengan sistem pendidikan di institusi pengajian tinggi. Pelajar perlu berdikari dalam menyesuaikan diri dengan sistem dan suasana hidup di institusi pengajian tinggi.

Rentetan dari itu, kajian ini dijalankan bertujuan menganalisis keberkesanan SPAk dengan melibatkan para pelajar dan Penasihat Akademik dalam program ini. Penilaian keberkesanan SPAk dijalankan pada akhir semester sepanjang tempoh pengajian sehingga pelajar tamat bergraduasi. Penyelidik

menjalankan analisis ini kerana ianya penting untuk rujukan pihak tertentu bagi memastikan sistem ini memberi kesan yang positif kepada pelajar.

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk menganalisis keberkesanan SPak pada sesi 2 2022/2023 dan sesi 1 2023/2024 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah. Objektif kajian haruslah diberi perhatian kerana ianya berfungsi sebagai kerangka bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan dengan lancar dan sistematik. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa objektif telah ditetapkan iaitu:

- i. Mengenalpasti penglibatan pelajar dalam Sistem Penasihatatan Akademik.
- ii. Mengenalpasti penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik.
- iii. Mengenalpasti penilaian pelajar terhadap Sistem Penasihatatan Akademik.

Gordon (2006) menyatakan Sistem Penasihatatan Akademik didefinisikan sebagai satu proses yang dapat membantu perkembangan professional, interpersonal dan kebolehpayaan dalam bidang akademik melalui hubungan dengan mereka yang dilantik sebagai pembimbing oleh pihak fakulti. Penasihat Akademik perlu memberi kerjasama untuk membimbing, menasihati dan membantu mengatasi masalah-masalah pelajar dalam hal ehwal akademik. Pada awal penubuhan program penasihatatan akademik adalah bertujuan untuk menyediakan jawapan kepada persoalan dan perbincangan tentang isu-isu akademik pelajar (Krimer, 2000). Program penasihatatan akademik merupakan komponen yang penting di institusi pengajian tinggi sebagai kesinambungan interaksi yang berterusan antara pelajar dengan pihak universiti.

Upcraft (2005) menyatakan program penasihatatan akademik juga bertujuan untuk menyediakan pendekatan yang menyeluruh kepada hubungan pelajar dan Penasihat Akademik di luar persekitaran bilik kuliah iaitu pelajar boleh menerima tunjuk ajar dan bimbingan serta membincangkan topik-topik seperti kursus yang diambil, bidang kerjaya dan membuat penilaian bersama dengan Penasihat Akademik. Winston, Miller, Ender dan Grites (1984) menyatakan keberkesanan dan kecekapan Penasihatatan Akademik harus diukur dengan melihat sejauh mana keperluan pelajar dipenuhi dan kelangsungan kualiti pengalaman pendidikan mereka sepanjang pengajian.

METHODS OF RESEARCH

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengaplikasikan instrumen soal selidik bagi mengenalpasti keberkesanan SPak. Populasi dalam kajian ini melibatkan pelajar dari dua sesi pengajian iaitu sesi 2 2022/2023 dan sesi 1 2023/2024. Responden terdiri daripada pelajar semester 1 hingga semester 5 bagi dua program iaitu program Akauntansi (DAT) dan program Pemasaran (DPR) di Jabatan Perdagangan.

Penyelidik telah memilih responden dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan iaitu seramai 737 orang pelajar bagi sesi 2 2022/2023 dan 840 pelajar bagi sesi 1 2023/2024 untuk kajian ini. Pada sesi 2 2022/2023, seramai 291 orang pelajar dari program Akauntansi (DAT) dan 446 orang dari program Pemasaran (DPR) dipilih dalam penyelidikan ini. Didapati hanya 732 orang pelajar yang menjawab soal selidik dalam kajian SPak. Manakala pada sesi 1 2023/2024, seramai 335 orang pelajar dari program Akauntansi (DAT) dan 505 orang dari program Pemasaran (DPR) dipilih dalam penyelidikan ini. Didapati hanya 839 orang pelajar yang menjawab soal selidik dalam kajian SPak.

Kaedah menjawab soal selidik adalah melalui soalan Penilaian Keberkesanan SPak yang telah sedia dibangunkan di bahagian Pengurusan Penasihat Akademik (iPAd) di dalam SPMP. Responden menjawab soal selidik tersebut secara atas talian dengan cara login ke SPMP dan masuk ke menu iPAd untuk membuat penilaian.

Penyelaras Penasihat Akademik Politeknik akan memaklumkan kepada Penyelaras Penasihat Akademik Jabatan untuk mengingatkan Penasihat Akademik agar memantau pelajar masing-masing untuk membuat penilaian tentang SPak pada minggu yang telah ditetapkan. Pelajar dikehendaki menjawab semua soalan yang berkaitan dengan penilaian Penasihat Akademik dan SPak yang terdapat dalam sistem iPAd. Soal selidik penilaian diselaraskan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti untuk kegunaan seluruh politeknik di Malaysia.

Soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian. Bahagian pertama adalah penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik dan bahagian kedua adalah penilaian pelajar terhadap Sistem Penasihatatan Akademik (SPak). Responden dikehendaki menandakan salah satu pilihan jawapan sahaja mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan kaedah skala *Likert*. Soalan yang berkaitan penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik mengandungi 11 item. Manakala soalan berkaitan penilaian pelajar terhadap keberkesanan Sistem Penasihatatan Akademik (SPak) mengandungi 9 item. Kesemua soalan menggunakan kaedah skala Likert dengan empat pilihan jawapan iaitu 1- sangat tidak bersetuju, 2 - tidak bersetuju, 3 - setuju dan 4 – sangat setuju. Soalan berkaitan dengan penilaian terhadap Penasihat Akademik dan keberkesanan SPak dianalisis menggunakan analisis min, frekuensi dan peratusan.

RESULT AND DISCUSSION

Dapatan kajian merupakan hasil kajian yang telah dianalisis oleh penyelidik menerusi instrumen terhadap soal selidik bagi mencapai objektif kajian yang dilakukan. Selain itu, dapatan kajian dapat diketahui melalui persoalan kajian berpandukan data-data yang diperolehi seperti kekerapan, peratusan, min dan pembinaan jadual. Kajian dilakukan terhadap Sistem Penasihatatan Akademik Politeknik berpandukan tiga objektif kajian.

Penglibatan pelajar dalam Sistem Penasihatatan Akademik (SPak).

Jadual 1 : Bilangan dan Peratusan Responden Terhadap Penilaian Keberkesanan SPak Mengikut Program Pada Sesi 2 2022/2023.

Program	Jumlah pelajar	Pelajar yang membuat penilaian	Pelajar tidak buat penilaian	Peratusan
DAT	291	289	2	99.31%
DPR	446	443	3	99.33%
Jumlah	737	732	5	99.32%

Berdasarkan jadual 1 didapati penilaian SPAk oleh pelajar pada sesi 2 2022/2023 dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai KPI melebihi 90%. Jumlah pelajar yang telah membuat penilaian adalah sangat tinggi bagi Jabatan Perdagangan iaitu sebanyak 99.32 % melebihi KPI 90%. Analisis deskriptif frekuensi dan peratus yang dijanakan dalam iPad (SPMP) menunjukkan bahawa seramai 289 orang (99.31%) responden dari program Akauntansi (DAT) dan 443 orang (99.33%) responden dari program Pemasaran (DPR) telah membuat penilaian SPAk. Pada sesi 2 2022/2023, seramai 732 orang pelajar Jabatan Perdagangan terlibat dalam kajian ini yang membuat penilaian berkaitan dengan SPAk. Hanya lima orang responden tidak menjawab soal selidik penilaian SPAk. Data dijana dari sistem iPad bagi mendapatkan bilangan dan peratus pelajar berdasarkan program di Jabatan Perdagangan dengan lebih terperinci.

Jadual 2 : Bilangan dan peratusan responden terhadap penilaian keberkesanan SPAk mengikut program pada sesi 1 2023/2024.

Program	Jumlah pelajar	Pelajar yang membuat penilaian	Pelajar tidak buat penilaian	Peratusan
DAT	335	335	0	100%
DPR	505	504	1	99.80%
Jumlah	840	839	1	99.88%

Berdasarkan jadual 2 didapati penilaian SPAk oleh pelajar pada sesi 1 2023/2024 dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai KPI melebihi 90%. Jumlah pelajar yang telah membuat penilaian adalah sangat tinggi bagi Jabatan Perdagangan iaitu sebanyak 99.88 % melebihi KPI 90%. Seramai 839 orang pelajar Jabatan Perdagangan terlibat dalam kajian ini yang membuat penilaian berkaitan dengan SPAk. Analisis deskriptif frekuensi dan peratus yang dijanakan dalam iPad (SPMP) menunjukkan bahawa seramai 335 orang (100%) responden dari program Akauntansi (DAT) dan 504 orang (99.80%) responden dari program Pemasaran (DPR) telah membuat penilaian SPAk. Hanya seorang responden tidak menjawab soal selidik penilaian SPAk.

Hasil dari dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam membuat penilaian terhadap Penasihat Akademik dan Sistem Penasihat Akademik memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan SPAK.

Penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik

Responden telah disediakan 11 soalan untuk dibuat penilaian terhadap penasihat akademik. Penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik telah dilakukan dalam dua sesi iaitu sesi 2 2022/2023 dan sesi 1 2023/2024.

Jadual 3 : Skor penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik bagi sesi 2 2022/2023.

Bil	Item	Skor				Min
		1	2	3	4	
1	PA memperuntukkan waktu pertemuan bersama saya.	2 (0.27%)	8 (1.09%)	152 (20.77%)	570 (77.87%)	3.76
2	PA melaksanakan aktiviti pada sesi perjumpaan.	2 (0.27%)	8 (1.09%)	140 (19.13%)	582 (79.51%)	3.78
3	PA membantu saya dalam merancang pengurusan masa pembelajaran.	3 (0.41%)	13 (1.78%)	152 (20.77%)	564 (77.04%)	3.74
4	PA bersedia mendengar tentang masalah yang ingin dikongsikan oleh saya.	2 (0.27%)	8 (1.09%)	160 (21.86%)	562 (76.78%)	3.75
5	Nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh PA dapat memotivasikan saya.	3 (0.41%)	8 (1.09%)	148 (20.22%)	573 (78.28%)	3.76
6	Saya mempraktikkan teguran dan nasihat yang diberikan oleh PA.	2 (0.27%)	7 (0.96%)	156 (21.31%)	567 (77.46%)	3.76
7	Saya selesa untuk menceritakan masalah akademik kepada PA.	4 (0.55%)	15 (2.05%)	180 (24.59%)	533 (72.81%)	3.70
8	Saya selesa untuk menceritakan perkara berkaitan peribadi kepada PA.	6 (0.82%)	33 (4.51%)	188 (25.68%)	505 (68.99%)	3.63
9	Prestasi akademik saya semakin baik setelah mendapatkan nasihat dan bimbingan dari PA.	2 (0.27%)	8 (1.09%)	161 (21.99%)	561 (76.64%)	3.75
10	PA telah menjalankan tanggungjawab sebagai PA dengan baik.	4 (0.55%)	2 (0.27%)	144 (19.67%)	582 (79.51%)	3.78
11	Saya memerlukan PA sepanjang pengajian saya di politeknik.	2 (0.27%)	14 (1.91%)	137 (18.72%)	579 (79.1%)	3.77
Min keseluruhan						3.74

Jadual 4 : Skor tertinggi dan skor terendah bagi penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik bagi sesi 2 2022/2023.

Skor Min Tertinggi	
1.	PA telah menjalankan tanggungjawab sebagai PA dengan baik. (3.78)
2.	PA melaksanakan aktiviti pada sesi perjumpaan. (3.78)
Skor Min Terendah	
1.	Saya selesa menceritakan perkara berkaitan peribadi kepada PA. (3.63)

Hasil dapatan menunjukkan bahawa skor min tertinggi adalah bagi item “PA telah menjalankan tanggungjawab sebagai PA dengan baik” dan “PA melaksanakan aktiviti pada sesi perjumpaan” iaitu

3.78. Manakala skor min terendah iaitu 3.63 ialah untuk item “Saya selesa menceritakan perkara berkaitan peribadi kepada PA”.

Manakala pada sesi 1 2023/2024, seramai 335 orang responden dari program Akauntansi (DAT) dan 504 orang responden dari program Pemasaran (DPR) telah terlibat dalam kajian. Secara keseluruhannya adalah seramai 839 orang responden dari Jabatan Perdagangan telah menjawab penilaian mengikut skala likert dari 1 hingga 4.

Jadual 5 : Skor penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik bagi sesi 1 2023/2024.

Bil	Item	Skor				Min
		1	2	3	4	
1	PA memperuntukkan waktu pertemuan bersama saya.	6 (0.72%)	13 (1.55%)	152 (18.12%)	668 (79.62%)	3.77
2	PA melaksanakan aktiviti pada sesi perjumpaan.	8 (0.95%)	17 (2.03%)	169 (20.14%)	645 (76.88%)	3.73
3	PA membantu saya dalam merancang pengurusan masa pembelajaran.	5 (0.6%)	11 (1.31%)	142 (16.9%)	681 (81.17%)	3.79
4	PA bersedia mendengar tentang masalah yang ingin dikongsikan oleh saya.	5 (0.6%)	11 (1.31%)	131 (15.61%)	692 (82.48%)	3.80
5	Nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh PA dapat memotivasikan saya.	8 (0.95%)	6 (0.72%)	120 (14.3%)	705 (84.03%)	3.81
6	Saya mempraktikkan teguran dan nasihat yang diberikan oleh PA.	6 (0.72%)	5 (0.6%)	134 (15.97%)	694 (82.72%)	3.81
7	Saya selesa untuk menceritakan masalah akademik kepada PA.	7 (0.83%)	18 (2.15%)	165 (19.67%)	649 (77.35%)	3.74
8	Saya selesa untuk menceritakan perkara berkaitan peribadi kepada PA.	10 (1.19%)	35 (4.17%)	182 (21.69%)	612 (72.94%)	3.66
9	Prestasi akademik saya semakin baik setelah mendapatkan nasihat dan bimbingan dari PA.	9 (1.07%)	8 (0.95%)	146 (17.40%)	676 (80.57%)	3.77
10	PA telah menjalankan tanggungjawab sebagai PA dengan baik.	8 (0.95%)	2 (0.24%)	105 (12.51%)	724 (86.29%)	3.84
11	Saya memerlukan PA sepanjang pengajian saya di politeknik.	6 (0.72%)	11 (1.31%)	123 (14.66%)	699 (83.31%)	3.81
Min keseluruhan						3.78

Jadual 6 : Skor tertinggi dan skor terendah bagi penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik bagi sesi 1 2023/2024.

Skor Min Tertinggi
3. PA telah menjalankan tanggungjawab sebagai PA dengan baik. (3.84)
Skor Min Terendah
1. Saya selesa menceritakan perkara berkaitan peribadi kepada PA. (3.66)

Hasil dapatan menunjukkan bahawa skor min tertinggi adalah bagi item “PA telah menjalankan tanggungjawab sebagai PA dengan baik” iaitu 3.84. Manakala skor min terendah iaitu 3.66 ialah untuk item “Saya selesa menceritakan perkara berkaitan peribadi kepada PA”. Ini menunjukkan bahawa penasihat akademik telah menjalankan peranan dengan baik dalam memberi nasihat, informasi dan bimbingan yang sewajarnya kepada pelajar di bawah seliaanya. Selain itu, Penasihat Akademik Jabatan Perdagangan juga telah berjaya menerangkan dengan jelas objektif dan aktiviti yang ingin dicapai pada setiap sesi perjumpaan. Hal ini menunjukkan bahawa sesi taklimat yang dijalankan telah digunakan oleh semua Penasihat Akademik Jabatan Perdagangan untuk memahami fungsi dan tanggungjawab mereka pada setiap perjumpaan dengan pelajar.

Secara perbandingannya, didapati bahawa tidak terdapat jurang yang besar antara skor min yang diperolehi terhadap Penasihat Akademik bagi sesi 2 2022/2023 dan sesi 1 2023/2024. Skor min yang terhasil menunjukkan kesemua pelajar bersetuju bahawa penasihat akademik memainkan peranan yang besar dalam hidup para pelajar di sepanjang pengajian mereka di POLIMAS.

Penilaian pelajar terhadap Sistem Penasihat Akademik

Sembilan soalan berkenaan SPAk dikemukakan bagi melihat keberkesanan sistem yang dilaksanakan itu. Analisis skor min dijana dalam iPad (SPMP) bagi mengenalpasti item penilaian keberkesanan SPAk .

Jadual 7 : Penilaian pelajar terhadap Sistem Penasihat Akademik bagi sesi 2 2022/2023.

Bil	Item	Skor				Min
		1	2	3	4	
1	Aktiviti SPAk membantu saya dalam membina matlamat diri.	2 (0.27%)	6 (0.82%)	158 (21.58%)	566 (77.32%)	3.76
2	Aktiviti SPAk membantu saya meningkatkan motivasi diri.	2 (0.27%)	7 (0.96%)	157 (21.45%)	566 (77.32%)	3.76
3	Aktiviti SPAk membantu saya dalam meningkatkan kemahiran dalam pembelajaran.	3 (0.41%)	2 (0.27%)	158 (21.58%)	569 (77.73%)	3.77
4	Aktiviti SPAk membantu saya dalam meningkatkan	2 (0.27%)	7 (0.96%)	162 (22.13%)	561 (76.64%)	3.75

	kemahiran komunikasi yang berkesan.					
5	Aktiviti SPAk membantu saya dalam mematuhi peraturan politeknik.	2 (0.27%)	3 (0.41%)	161 (21.99%)	566 (77.32%)	3.76
6	Aktiviti SPAk membantu saya lebih fokus terhadap objektif utama saya berada di politeknik.	2 (0.27%)	8 (1.09%)	156 (21.31%)	566 (77.32%)	3.76
7	Aktiviti SPAk membantu saya bersedia untuk menempuh alam kerjaya.	2 (0.27%)	6 (0.82%)	159 (21.72%)	565 (77.19%)	3.76
8	Aktiviti SPAk merupakan inisiatif sokongan ke arah pembentukan kemahiran menyeluruh dan berdaya saing dalam kalangan pelajar.	2 (0.27%)	4 (0.55%)	162 (22.13%)	564 (77.05%)	3.76
9	Aktiviti SPAk membantu memudahkan urusan pengajian saya di politeknik.	2 (0.27%)	6 (0.82%)	159 (21.72%)	565 (77.19%)	3.76
Min keseluruhan						3.76

Jadual 7 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar yang telah membuat penilaian terhadap SPAk dengan menggunakan skala likert 1- 4. Analisis deskriptif bagi peratusan pelajar dilakukan sendiri oleh penyelidik. Berdasarkan kajian, responden membuat penilaian yang tertinggi dengan menggunakan skala likert 4 bagi keseluruhan item kajian. Hal ini menggambarkan bahawa responden sangat bersetuju dengan item penilaian SPAk.

Jadual 8 : Skor tertinggi dan skor terendah bagi penilaian pelajar terhadap Sistem Penasihatian Akademik bagi sesi 2 2022/2023.

Skor Min Tertinggi
1. Aktiviti SPAk membantu saya dalam meningkatkan kemahiran dalam pembelajaran. (3.77)
Skor Min Terendah
1. Aktiviti SPAk membantu saya meningkatkan kemahiran komunikasi yang berkesan. (3.75)

Jadual 8 menunjukkan bahawa item “Aktiviti SPAk membantu saya dalam meningkatkan kemahiran dalam pembelajaran” merupakan skor min yang tertinggi berbanding dengan item yang lain iaitu 3.77. Manakala terdapat item “Aktiviti SPAk membantu saya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi yang berkesan” mempunyai skor min terendah iaitu 3.75.

Jadual 9: Penilaian pelajar terhadap Sistem Penasihatatan Akademik bagi sesi 1 2023/2024.

Bil	Item	Skor				Min
		1	2	3	4	
1	Aktiviti SPAk membantu saya dalam membina matlamat diri.	5 (0.6%)	8 (0.95%)	160 (19.07%)	666 (79.38%)	3.77
2	Aktiviti SPAk membantu saya meningkatkan motivasi diri.	5 (0.6%)	12 (1.43%)	157 (18.71%)	665 (79.26%)	3.77
3	Aktiviti SPAk membantu saya dalam meningkatkan kemahiran dalam pembelajaran.	6 (0.72%)	8 (0.95%)	148 (17.64%)	667 (79.50%)	3.78
4	Aktiviti SPAk membantu saya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi yang berkesan.	6 (0.72%)	14 (1.68%)	155 (18.47%)	664 (79.14%)	3.76
5	Aktiviti SPAk membantu saya dalam mematuhi peraturan politeknik.	4 (0.48%)	7 (0.83%)	152 (18.12%)	676 (80.57%)	3.79
6	Aktiviti SPAk membantu saya lebih fokus terhadap objektif utama saya berada di politeknik.	4 (0.48%)	7 (0.83%)	157 (18.71%)	671 (79.98%)	3.78
7	Aktiviti SPAk membantu saya bersedia untuk menempuh alam kerjaya.	4 (0.48%)	12 (1.43%)	148 (17.64%)	675 (80.45%)	3.78
8	Aktiviti SPAk merupakan inisiatif sokongan ke arah pembentukan kemahiran menyeluruh dan berdaya saing dalam kalangan pelajar.	5 (0.6%)	10 (1.19%)	163 (19.43%)	661 (78.78%)	3.76
9	Aktiviti SPAk membantu memudahkan urusan pengajian saya di politeknik.	4 (0.48%)	9 (1.07%)	143 (17.04%)	683 (81.41%)	3.79
Min keseluruhan						3.78

Jadual 9 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar yang telah membuat penilaian terhadap SPAk dengan menggunakan skala likert 1- 4. Berdasarkan kajian, responden membuat penilaian yang tertinggi dengan menggunakan skala likert 4 bagi keseluruhan item kajian. Hal ini menggambarkan bahawa responden sangat bersetuju dengan item penilaian SPAk.

Jadual 10 : Skor tertinggi dan skor terendah bagi penilaian pelajar terhadap Sistem Penasihatatan Akademik bagi sesi 1 2023/2024.

Skor Min Tertinggi
1. Aktiviti SPak membantu saya dalam mematuhi peraturan politeknik. (3.79)
2. Aktiviti SPak membantu saya memudahkan urusan pengajian saya di politeknik. (3.79)
Skor Min Terendah
3. Aktiviti SPak membantu saya meningkatkan kemahiran komunikasi yang berkesan.(3.76)
4. Aktiviti SPak merupakan inisiatif sokongan ke arah pembentukan kemahiran menyeluruh dan berdaya saing dalam kalangan pelajar. (3.76)

Jadual 10 menunjukkan bahawa item “aktiviti SPak membantu saya dalam mematuhi peraturan politeknik” dan “aktiviti SPak membantu memudahkan urusan pengajian saya di politeknik” merupakan skor min yang tertinggi berbanding dengan item yang lain iaitu 3.79. Manakala terdapat dua item yang mempunyai skor min terendah terhadap item yang berkaitan SPak iaitu 3.76. Dua item tersebut ialah “aktiviti SPak membantu saya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi yang berkesan” dan “aktiviti SPak merupakan inisiatif sokongan ke arah pembentukan kemahiran menyeluruh dan berdaya saing dalam kalangan pelajar”.

Dapatan analisis daripada penilaian SPak bagi Jabatan Perdagangan mendapati bahawa min keseluruhan penilaian SPak menunjukkan skor min yang cemerlang iaitu 3.78. Daripada jumlah penuh skor sebanyak 4.0, kebanyakan item memperoleh skor melebihi 3.5 yang menunjukkan SPak POLIMAS berjaya mencapai matlamat perlaksanaannya dan telah dilaksanakan dengan baik di Jabatan Perdagangan, POLIMAS.

Dapat disimpulkan bahawa skor min bagi keseluruhan item penilaian pelajar terhadap Sistem Penasihatatan Akademik bagi sesi 1 2023/2024 menunjukkan skor min yang semakin tinggi iaitu 3.78 berbanding dengan skor min bagi sesi 202022/2023 sebanyak 3.76.

CONCLUSION

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan implikasi yang positif terhadap sumbangan dan peranan Penasihat Akademik Jabatan Perdagangan POLIMAS. Kesemua data kajian menunjukkan SPak di Jabatan Perdagangan telah berada di landasan yang betul dan di tahap yang terbaik. Perancangan Sistem Penasihatatan Akademik berjaya dilaksanakan dengan kerjasama yang erat daripada semua pihak. Diharapkan semua pihak dapat memberi kerjasama sepenuhnya terhadap SPak bagi mencapai kecemerlangan akademik, kemahiran generik dan kemahiran sendiri dalam kerjaya pelajar.

Sistem Penasihatatan akademik adalah hubungan kerjasama antara pelajar dan Penasihat Akademik yang bertujuan untuk membantu pelajar dalam mencapai pembangunan pendidikan yang selaras dengan minat, nilai dan kebolehan. Penasihat Akademik memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan keberkesanan Sistem Penasihatatan Akademik kerana interaksi yang baik di antara Penasihat Akademik dan pelajar dapat membantu menjayakan SPak. Tindakan ini sekaligus membantu pelajar bukan

sahaja cemerlang dari aspek akademik, malah dapat membentuk sahsiah diri dan meningkatkan potensi diri pelajar dalam bidang yang diceburi.

Cadangan daripada penyelidik agar kajian penambahbaikan SPAk perlu dilakukan secara berterusan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan sistem ini pada setiap semester. Tugas Penasihat Akademik bukan sahaja setakat menjalin hubungan yang baik dengan pelajar tetapi lebih daripada itu. Penasihat akademik hendaklah memperlengkapkan diri mereka dengan latihan dan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang dapat membantu mereka dalam proses penasihatatan akademik ini.

Kejayaan sepenuhnya sistem ini bergantung kepada kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat bagi merealisasikan misi dan visi politeknik masing-masing khususnya, dan misi dan visi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti secara amnya.

REFERENCE

- Absullah Sulong & Wan Zainura Wan Yusof (2010), *Pengaruh Sistem Penasihatatan Akademik Terhadap Tahap Pencapaian Akademik Pelajar*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Gordon, Virginia N. (2006), *Career Advising: An academic advisor's guide*. San Francisco :Jossey-Bass.
- Halim Busari, Salman Mohd Yusof. *Pengenalan Mentoring Di Institusi Pengajian Tinggi*. Ms 1-18. Shah Alam : Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Hartati Wiji Wahyuni (2006), *Pengaruh Gaya dan Aktiviti Penasihatatan Akademik Terhadap Keberkesanan Perlaksanaan SistemPenasihatatan Akademik*, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi (Edisi 2016), *Buku Panduan Sistem Penasihatatan Akademik (SPAk) Politeknik Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Edisi 2016*.
- Krimer Gary L. (2000). *Advising Students at Different Educational Levels*. In Gordon, Virginia N. and Habley, Wesley R. *Academic Advising : A Comprehensive Handbook*. pp 84-104. San Francisco : Jossey-Bass.
- Noriadah Abdul Karim (2012). *Kepuasan Pelajar Terhadap Penasihat Akademik*. Projek Sarjana. Belum diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Upcraft, M. L., Gardner, J. N., & Barefoot, B. O. (2005). *Challenging and Supporting the First-Year Student: A Handbook for Improving the First Year of College*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Wan Zainura Wan Yusof dan Abdullah Sulong (2008). *Pengaruh Sistem Penasihatatan Akademik Terhadap Tahap Pencapaian Akademik Pelajar*. Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Winston, Roger B., Theodore K. Miller, Steven C. Enders and Thomas J. Grites (1984), *Developmental Academic Advising*, Jossey-Bass Publishers: San Francisco.